

# Dr Mahathir mengaku gagal berunding dengan Singapura

**A**LOR STAR: Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui beliau gagal berunding dengan Singapura selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri kerana republik itu tidak langsung memberikan kerjasama menyelesaikan sesuatu isu.

"Masa mula-mula menjadi Perdana Menteri pada 1981, saya pergi ke Si-

ngapura untuk berbaik-baik dengan Perdana Menteri, Lee Kuan Yew tetapi mereka tidak ikhlas berbaik dengan kita," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, memandangkan Malaysia sendiri mempunyai pendirian, beliau ketika itu perlu membuktikan boleh membangunkan negara ini tanpa kerjasama Singapura.

BH-26/3/2008  
Ketika menjawab soalan peserta forum 'Cabaran Masa Depan Orang Melayu' anjuran Dewan Perhimpunan Melayu Kedah (DPMK) mengenai dasar berbaik-baik dengan Singapura, Dr Mahathir berkata Singapura tidak mahu memberi sedikit pun lebih daripada apa diperolehnya.

"Malah ia akan meminta dua atau

tiga kali lebih daripada apa yang diberikannya," katanya.

Tun Dr Mahathir berkata, keangkuhan Singapura jelas apabila menarik diri daripada menganggotai Pertubuhan Menteri-menteri Pelajaran Asia (SEAMEO) kerana enggan menyumbang AS\$10,000 yang diputuskan pada mesyuarat badan itu di

Filipina walaupun ia sebuah negara kaya.

Beliau berkata, selama dua setengah tahun Malaysia berunding untuk menaikkan harga air yang dibayar negara itu sebanyak 3 sen bagi 1,000 gelen, tetapi tidak berhasil, sedangkan Singapura jual dengan harga \$20 dollar atau RM40 bagi 1,000 gelen.